

**PETIKAN TULISAN
SUCI UNTUK
DIHAFAL:**

"Sungguh, Aku datang untuk melakukan kehendak-Mu."

(Ibr. 10: 9)



Mikha menubuatkan bahawa akan ada kelahiran Seorang yang akan memiliki kuasa dan keagungan Allah di Bethlehem. Seseorang yang telah wujud sebelum Penciptaan. Dia adalah Yang Kudus dari Israel, penguasa yang dijanjikan, yang akan dikenali di seluruh dunia dan akan membimbing umat-Nya. Mereka akan selamat dan akan ada kedamaian. Dia akan dipanggil Sang Pendamai. Orang Yahudi menunggu turun-temurun untuk nubuatannya ini berlaku. Dan apabila Dia datang ke dunia, mereka tidak mengenali-Nya. Adakah kita akan tidak mengenali-Nya juga?

Penulis surat kepada orang Ibrani, menulis tentang ketaatan Tuhan kita yang mematuhi kehendak Bapa-Nya. Yesus datang untuk membawa keselamatan kepada kita melalui pengorbanan tubuh-Nya yang terbesar di kayu salib. Ia bukan sahaja pada saat pengorbanan-Nya yang dilakukan sekali untuk selama-lamanya tetapi seluruh kehidupan dan pelayanan-Nya yang mendedahkan kasih dan belas kasihan Allah kepada kita.

Ia juga melalui ketaatan kepada Allah apabila Bonda Maria bersetuju untuk mengandung seorang anak yang akan dipanggil Anak Allah Yang Maha Tinggi. 'Saya adalah hamba Tuhan,' dia menjawab. Ketakutan akan masa depan yang tidak menentu telah diatasi dengan rahmat Allah ke atasnya. Juga atas rahmat Allah, Elisabet mengenalinya sebagai ibu Tuhan ketika Maria mengunjunginya. Dan anak dalam kandungannya melompat kegirangan! Elisabet, yang dipenuhi dengan Roh Kudus, mengisytiharkan proklamasikan tiga perkara bahawa Maria diberkati di antara wanita, bahawa anak dalam rahim Maria diberkati dan terberkati oleh mereka yang percaya bahawa firman Tuhan akan menjadi kenyataan.

Berbahagialah kita semua yang percaya kepada Yesus Kristus. **Kehidupan kita yang taat, mestilah juga berbentuk perbuatan kasih, bukan sekadar fikiran dan keinginan semata-mata.** Kita mesti melayani orang lain dan memberi kesan kepada kehidupan mereka supaya mereka juga akan percaya bahawa Yesus telah datang ke dunia dan tinggal di kalangan kita. ♦


**AYAT SUCI
MINGGU INI**

Mikha. 5: 1-4;

Maz. 79: 2-3, 15-16,
18-19;

Ibr. 10: 5-10;

Luk. 1: 39-44.



Newbec

NEW WAY OF BEING CHURCH

Hari Minggu Adven Ke-4

HARAPAN: PERCAYA, HIDUP DAN MEMBERI

TEMA BULANAN: JANGAN TAKUT,

AKU MEMBERITAKAN KHABAR GEMBIRA KEPADAMU



Melalui Ketaatan, Bonda Maria Bersetuju

Adven adalah musim harapan yang besar. Apabila kita semakin menghampiri Krismas, fikiran kita beralih ke tempat yang kecil itu, Bethlehem. Satu peristiwa besar telah diramalkan akan berlaku di sana. Bagi kita, ia bukanlah satu kejutan tetapi satu peristiwa yang kita nantikan secara sedar, kelahiran Tuhan kita Yesus Kristus. Persoalannya ialah bagaimana kita respon kepada penjelmaan Kristus, Sang Mesias?

Newbec

NEW WAY OF BEING CHURCH

Hari Minggu Adven Ke-4

HARAPAN: PERCAYA, HIDUP DAN MEMBERI

TEMA BULANAN: JANGAN TAKUT,

AKU MEMBERITAKAN KHABAR GEMBIRA KEPADAMU



Melalui Ketaatan, Bonda Maria Bersetuju

Adven adalah musim harapan yang besar. Apabila kita semakin menghampiri Krismas, fikiran kita beralih ke tempat yang kecil itu, Bethlehem. Satu peristiwa besar telah diramalkan akan berlaku di sana. Bagi kita, ia bukanlah satu kejutan tetapi satu peristiwa yang kita nantikan secara sedar, kelahiran Tuhan kita Yesus Kristus. Persoalannya ialah bagaimana kita respon kepada penjelmaan Kristus, Sang Mesias?